

E-Village angkat industri filem 1

BH - 7 AUG 2000

Oleh Akmal Abdullah

TERLETAK di kawasan seluas 485 hektar, perkampungan hiburan atau perkampungan seni pintar (E-Village) dijangka mampu mengangkat nama negara menerusi industri perfileman di rantau ini.

Biarpun kegiatan perfileman tempatan masih belum boleh dibanggakan tetapi kewujudan E-Village sekurang-kurangnya meletakkan suasana baru berkaitan imej industri filem dengan sokongan penyediaan infrastruktur berteraskan teknologi tinggi sejajar projek Koridor Raya Multimedia (MSC).

Kewujudannya juga diharapkan dapat menjadi pemangkin atau pencetus semangat untuk karyawan tempatan menyediakan diri dengan tahap kreativiti, ilmu dan sokongan dan selaras kelengkapan canggih yang disediakan di E-Village.

Projek mega yang terletak dekat Dengkil, Sepang, Selangor itu juga sememangnya di-

BH - 7 AUG 2000

Kewujudannya diharap dapat menjadi pemangkin atau pencetus semangat untuk karyawan tempatan menyediakan diri dengan tahap kreativiti, ilmu dan sokongan dana selaras kelengkapan canggih yang disediakan di E-Village.

rancang untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat industri filem Asia, selain membangun pertumbuhan perniagaan filem di Malaysia.

Segala-galanya akan bermula pada 8 September ini apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, akan melancarkannya, terutama merasmikan projek Fasa 1A yang kini hampir siap.

Fasa 1A adalah satu daripada tiga fasa pembangunan di

kawasan itu. Ia menyediakan studio maya (virtual studio) dan studio bunyi (sound stage studio). Dari segi reka bentuk dan saiz, studio bunyi adalah yang terbesar di Asia iaitu dengan ketinggian 210 meter dengan membabitkan kos RM40 juta.

Dalam sidang media baru-baru ini, Pengerusi Entertainment Village (M) Sdn Bhd, Tan Sri Dr Awang Had Salleh kelihatan optimis bahawa E-

Village akan menjadi bandar raya-perkampungan yang memberi keutamaan dan bermatlamatkan IT

Katanya, E-Village akan bertahan dan berfungsi menjadi pusat hiburan dunia berteknologi tinggi bersama kelengkapan canggih dengan studio produksi untuk filem dan bahan siaran televisyen.

"Tiga fasa pembangunan di E-Village mengambil masa tujuh tahun untuk disiapkan sepenuhnya. Studio pertama yang disiapkan tidak lama lagi akan dirasmikan pelancarannya oleh Perdana Menteri pada 8 September ini.

"Tarikh itu bersempena kehadiran perwakilan Teknologi Maklumat (IT) dari luar negara untuk menghadiri me-

syuarat Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) bagi MSC.

"Pelancaran itu kelak menjadi peristiwa penting dalam meningkatkan pembangunan MSC secara umumnya kerana ia termasuk dalam kategori hiburan dan multimedia kreatif, selain menandakan kemasyarakatan Malaysia secara besar-besaran dalam gerbang industri seni filemdan hiburan bertaraf dunia.

"Negara akan melonjak bersama penggunaan set teknologi berbeza yang bukan sekadar untuk pembikinan filem dan rancangan televisyen tetapi menggabungkan produk hiburan dan perkhidmatan. Ini akan mewujudkan perniagaan hiliran," kata Dr Awang Had.

Di sidang media itu, Dr

Awang turut memperkenalkan secara rasmi logo E-Village.

Turut hadir ialah Naib Pengerusi Eksekutif Entertainment Village (M) Sdn Bhd, Datuk Ibrahim Abdul Ghaffar; pengarahnya, Lt Jen (B) Datuk Hashim Mohamed Amin dan penasihat E-Village, Alan French.

Dr Awang juga berkata, tujuan mewujudkan E-Village ialah untuk menarik penerbit filem dan televisyen di rantau ini menjalankan kerja produksi di negara ini, iaitu satu pilihan kepada pusat studio filem yang sudah lama wujud di negara lain.

Fasa Satu membabitkan kos RM400 juta ialah binaan studio maya dan studio bunyi, kawasan pos produksi, blok

pentadbiran, pusat multimedia, kompleks pemasaran, sokongan teknikal, kawasan meletak kenderaan, akademi latihan dan Time Walk. Studio berkenaan dilengkapi kemudahan animasi tiga dimensi (3D), kesan khas, peralatan pos produksi dan kemudahan berdigital.

Fasa Dua yang menelan kos RM1.5 bilion akan membabitkan pembinaan taman maya bertema, taman mini Malaysia, bandar popular Asia, wetland, lokasi bertema, kemudahan penginapan krew, pusat multimedia, pejabat pos produksi dan pusat persidangan.

Fasa Tiga akan dibangunkan dua tahun lagi ia meliputi kawasan riadah dan pusat membeli-belah seni kraf.